"Sebenarnya, kita masih dalam proses penyelidikan dan pembangunan (R&D), itu langkah pertama sebelum bertindak membina PDF.

"Kita mengeluarkan modal yang banyak untuk R&D, kita ikut SOP (prosedur operasi standard) nak buat R&D memerlukan masa, lepas itu baru boleh fokus PDF.

Keputusan didakwa tidak adil

"Namun, secara tiba-tiba kerajaan maklumkan sisa radioaktif itu akan dihantar ke Australia, ini tidak adil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyerahkan memorandum bantahan kepada Pegawai Petugas Khas Parlimen kepada Menteri Luar, Adli Zakuan Zairakithnaini, di luar bangunan Parlimen, di sini, semalam.

Terdahulu, kira-kira 130 kakitangan Lynas dari Kuantan, Pahang berkumpul di luar Parlimen dengan memegang beberapa sepanduk 'Selamatkan Kerja Kami' dan 'Sila Berlaku Adil Kepada Kami'.

Mereka yang tiba di sini kira-kira jam 8 pagi menaiki tiga bas dan beberapa kereta.

Minggu lalu, Lynas dilaporkan perlu meneruskan permohonan mereka dengan pihak berkuasa berkaitan mereka dengan pihak menghantar balik semua sisanya sebelum tempoh lesen penstoran untuk jenis sisa itu tamat pada September 2019.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh, berkata ini kerana Australia adalah negara yang besar dan luas, berbanding keperluan guna tanah di negara ini yang semakin terhad kerana pertambahan penduduk.



Sebagai langkah alternatif, kami boleh bina tapak pelupusan kekal (PDF) untuk tempatkan sisa radioaktif itu"

Jumaat Mansor,
Pengurus Sumber Manusia Lynas

LAMPIRAN 15
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 25
TARIKH: 12 DISEMBER 2018 (RABU)

Kedah sedia zon khas sektor aeroangkasa

➔ Sasar pikat pelaburan syarikat komponen pesawat

Oleh Suzalina Halid
suzalina@nstp.com.my

Kerajaan negeri Kedah akan membangunkan sebuah zon khas bagi sektor aeroangkasa di Taman Sains dan Teknologi Kedah (KSTP), di Bukit Kayu Hitam bagi menarik lebih banyak pelaburan dalam industri terbabit.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berkata pihaknya melihat sektor komponen pembuatan kapal terbang banyak menyum-

bang dalam pertumbuhan ekonomi negara, maka Kedah harus mengambil peluang itu dengan menyediakan kawasan khusus bagi tujuan berkenaan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, antara inisiatif bagi menarik pelaburan khususnya dalam industri aeroangkasa yang boleh dilakukan negeri ialah menyediakan tenaga kerja mahir dan lokasi, manakala dari aspek insentif pula dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Dua sektor berpotensi

"Salah satu komponen dalam KSTP ialah adanya zon bagi aeroangkasa dengan harapan dapat menarik lebih banyak syarikat yang mengeluarkan komponen pesawat untuk melabur dan menempatkan kilang pemprosesan mereka di sini.

"Ini kerana kita dapat lihat dua sektor dalam aeroangkasa iaitu segmen penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) menyum-



Sektor komponen pembuatan kapal terbang banyak menyumbang dalam pertumbuhan ekonomi negara, maka Kedah harus mengambil peluang itu dengan menyediakan kawasan khusus bagi tujuan berkenaan"

Mukhriz Mahathir,
Menteri Besar Kedah



Mukhriz (tiga dari kiri) bersama dari kiri; Pengarah POLIMAS, Mejar (k) Mohd Noor Shahudin, Naib Canselor UNIMAP, Datuk Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal, Pengarah Urusan ACM, Jose Garza; Pengarah ILP Jitra, Ahmad Iskandar Sulaiman dan Pengarah IKBN Jitra, Mohd Saipuddin Zakaria selepas menandatangani MoU di kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam, semalam.

bang RM6.23 bilion, manakala material komposit pula RM6.6 bilion dalam pertumbuhan ekonomi negara pada tahun lalu," katanya pada sidang media, di Bukit Kayu Hitam, semalam.

Terdahulu, Mukhriz menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Aerospace Composites Malaysia (ACM) Sdn Bhd dengan empat institusi pendidikan di Kedah dan Perlis bagi meningkatkan kemahiran golongan muda untuk mendapatkan pekerjaan bernilai tinggi dalam industri aeroangkasa.

Empat institusi pendidikan itu ialah Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP); Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS); Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Jitra dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Jitra.

Mukhriz berkata, buat masa ini, pihaknya meminta bantuan daripada Lembaga Pembangunan Pela-

buran Malaysia (MIDA) dan Pejabat Penyelaras Industri Aeroangkasa Kebangsaan (NAICO) termasuk khidmat nasihat dalam menarik pelaburan melalui industri aeroangkasa di Kedah.

Katanya, beliau percaya kedatangan pelabur dalam industri aeroangkasa mampu melonjakkan ekonomi negeri, khususnya dalam menawarkan peluang pekerjaan bernilai tinggi kepada golongan muda.

"Kita masih di peringkat awal dalam usaha mendapatkan pelabur ke sini justeru kita meminta bantuan dari agensi Kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan maklumat sektor mana dalam aeroangkasa yang sesuai kita bawa ke sini.

"Namun, saya percaya permintaan teknologi seperti ini akan meningkat khususnya dengan terlaksananya pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) kelak," katanya.

LAMPIRAN 16
NEW STRAITS TIMES (OPINION): MUKA SURAT 13
TARIKH: 12 DISEMBER 2018 (RABU)

Recycle, don't just 'bury'

Malaysia may want to follow the example of Europe, where clunkers are depolluted, recyclable parts removed and metal shell shredded by licensed operators

TRANSPORT Minister Anthony Loke Siew Fook yesterday tabled the Road Transport (Amendment) Bill 2018 for its first reading in the Dewan Rakyat which, among others, seeks to enable the authorities to tow abandoned vehicles to scrapyards. According to Loke, there are 60,000 abandoned cars in towns and cities nationwide. The number may be more. On Nov 25 last year, the *New Straits Times* reported the number of abandoned vehicles to be eight million, quoting then natural resources and environment minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar. In fact, he figured the number to be closer to 10 million as not all abandoned vehicles were reported to the authorities. The vehicles are a great threat not only to the safety of other road users, but also cause much damage to the environment. As such, the Road Transport Act may not be the only one needing an amendment. The Environment Quality Act 1974 and related regulations, too, may have to be amended to enable the safest means of depolluting and disposal.

 **Vehicle cemetery will be a grave mistake.**

A vehicle's impact on the environment starts long before it hits the road. Just think steel, plastics and paint to get a feel of the hazardous materials that your car is made of. We haven't even begun talking of the asbestos in the brake drums. The hazard doesn't end when the car is taken off the road either. Think lead, mercury, bromine and chromium — they are all there in the car. Researchers have found more than 200 chemicals in the cabin of the car. You may praise your new car now, but beware when you "bury" it. Because the polyvinyl chloride (PVC) and everything else in the cabin can kill. The good news is automakers are getting better at being green. More and more hazardous materials are being replaced with biodegradable ones. One brand even claims to have removed 75 per cent of PVC in its cars' cabins. Malaysia, too, must compel its automakers to do the same.

But Malaysian abandoned cars are old clunkers or "bangers" as the British call them. But Malaysia need not reinvent the wheel, so to speak. The European Union's 2005 End-of-Life Vehicles Directive is a good place to start. Abandoned cars are taken to what is called a depollution plant where hazardous materials such as mercury switches are removed and dangerous fluid pumped out. What cannot be reused or recycled are sent to specialists for safe disposal. But these are treatment facilities that must be specially licensed. Otherwise, unauthorised operators may cannibalise the parts and dump the wreck with all the hazardous materials intact. Under EU regulations, such treatment plants can only operate if determined to be in compliance with environmental law and registered with the environment agency. Our licensing system and enforcement must be as robust. The EU system also encourages vehicle owners to send their vehicles to the treatment facilities for depolluting and disposal. Adopting a similar dismantling and recycling system may finally put an end to the tonnes of waste our eight million abandoned cars are. Vehicle cemetery will be a grave mistake.

LAMPIRAN 17
NEW STRAITS TIMES (OPINION): MUKA SURAT 13
TARIKH: 12 DISEMBER 2018 (RABU)

TAPPING INTO TECHNOLOGY

Malaysia should strive to be a world leader in tyre technology and production



SATIMAN JAMIN

EVERY time the monsoon season comes, I am reminded of who I am: the son of a rubber tapper.

Towards the end of his life, my father, who died in August this year, would often weep when it rained for days as the fears and sorrows of his rubber-tapping days more than 40 years ago came back to haunt him.

"Arep mangan opo nek udhan terus koyo ngene?" (What are we going to eat if it continues to rain like this?) he would lament in Javanese as tears rolled down his cheeks.

He never complained about how hard life was back then as he struggled to feed and clothe his family when the incessant monsoon rain prevented him from tapping rubber, but the fears never went away. Back then there was no technology to enable rubber tappers like my father to tap rubber on rainy days. If it rained the night before and the bark of the rubber trees became wet, rubber tappers would have to wait until it was dry enough, or the latex would just follow the path of the moisture down the tree trunk.

The *New Straits Times* carried an article in 2016 extolling the virtues of "rain gutter", an awning-like contraption strapped to the rubber trees that stops the rainwater from wetting the area to be tapped. Although not the cure-all for rubber tappers' woes, the rain gutter can increase the number of days that they can go to work during the rainy season.

Another technology that was touted by the Malaysian Rubber Board (MRB) as a possible answer to improve the economic standings of rubber tappers is the low intensity tapping system (LITS). With this system, rubber trees

need only be tapped for a few days a week to yield their full potential. The rubber tappers can then use the non-tapping days for other economic activities.

However, judging by the negative responses to Primary Industries Minister Theresa Kok's suggestion that rubber tappers go out to tap rubber on rainy days, the application of such technologies is still the exception rather than the rule. In other words, the majority of our rubber tappers are still using the same methods and technology that my father used 40 years ago.

The slow deployment of new rubber tapping technology is in stark contrast to the advances that the rubber products' manufacturing industry has gained over the years. A good example is Top Glove Berhad, which has grown to become the world's number one latex glove manufacturer. The company is expected to announce revenue figures around RM4 billion with profits of about RM400 million for 2017.

As a Malaysian, I am proud of Top Glove's and other rubber companies' achievements because they contribute to the nation's economy but it would be great if a fraction of what the nation earns from the rubber industry is channelled towards disseminating new technologies to the very people feeding their multi-billion ringgit business with raw material.

Perhaps, the Malaysian rubber industry will be able to look after our rubber tappers better if we become world leaders in the production of other rubber-based products besides latex gloves.

Not long ago Prime Minister

Tun Dr Mahathir Mohamad floated the idea of a third national car project. Proton and Perodua are household names now, providing jobs for thousands of people working in car manufacturing or its supporting industries.

We have been making cars for over 30 years and making tyres for longer, but Malaysia is not a world leader in either tyre technology or production. If we become a leader in tyre technology maybe our rubber industry will become stronger and the benefits can be made to trickle down to the rubber tappers.

Despite the popular belief that tyres are made mostly of natural rubber, the tyres manufactured annually around the globe (around two billion of them) have more synthetic rubber made from petroleum products than the milky white latex flowing out of rubber trees. As environment awareness increases, tyre companies are looking into ways of using more natural and sustainable materials.

Japanese tyre manufacturer Bridgestone for example, successfully made their first 100 per cent natural rubber tyre in 2015.

Bridgestone's milestone should have been music to our ears, as demand for our natural rubber would go up, except for one disturbing detail: the ground-breaking Bridgestone tyre was made entirely from latex harvested from guayule, a shrub native to the arid areas of the United States and Mexico. Bridgestone took only two years to develop the guayule rubber tyre. Their target is to have 100 per cent natural rubber tyres in the market by 2050.

If we don't take steps to acquire new technologies to diversify our latex usability we will be left behind. More importantly, our long-suffering rubber tappers will tap out long before 2050 if we don't speed up the dissemination of weather-proof technologies to help them.

The writer is an independent journalist based in Kuala Terengganu

LAMPIRAN 18
SINAR HARIAN (KLANG): MUKA SURAT 22
TARIKH: 12 DISEMBER 2018 (RABU)

Tanah kosong jadi lubuk sampah

Penduduk
berdepan
pencemaran
bau, udara
setiap hari

AZIE YAHAYA

PULAU INDAH

Kira-kira 1,000 keluarga di Bandar Armada Putra, di sini, kecewa apabila kawasan kosong berhampiran perumahan mereka menjadi lokasi longgokan sampah.

Penduduk mendakwa, pembuangan sampah itu bukan perkara baharu malah sudah sekian lama sehingga menimbulkan bau busuk dan pencemaran sekitar.

Seorang penduduk, Julmiah Nasib, 39, berkata, sejak lima tahun lalu mereka terpaksa menghidu bau sampah dan keadaan semakin parah apabila sampah kini sudah menimbun.

Katanya, jarak tapak pembuangan sampah itu hanya 300 meter dari kediaman penduduk dan semakin luas sehingga sebesar padang bola sepak.

"Sampah semakin hari semakin meninggi. Kami sudah tak tahan kerana terpaksa berdepan pencemaran udara dan bau busuk. Ada pihak yang membakar sampah itu tetapi mengeluarkan asap tebal," katanya.

Menurutnya, individu tidak bertanggungjawab itu semakin kerap membuang sampah walaupun penduduk



Kawasan pembuangan sampah kini sebesar padang bola sepak.



Longgokan sampah menakung air dan menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

pemah membuat aduan.

"Masalah ini dah lama berlarutan. Ada pihak berkaitan turun padang melihat sendiri masalah tersebut.

"Namun ia hanya seketika, sekarang kembali aktif beroperasi. Jadi sampai bila kami nak tanggung masalah

ini disebabkan sikap tak bertanggungjawab orang lain," soalnya.

Jadi 'hotspot' denggi

Imran Karmardin, 43, pula mahu masalah pembuangan sampah haram di kawasan tersebut diberi per-

hatian lebih-lebih lagi Bandar Armada Putra antara 'hotspot' denggi di Selangor.

"Kerana sikap pentingkan diri orang lain, penduduk di sini terpaksa tanggung derita. Sisa sampah dah jadi tempat air bertakung dan pembiakan nyamuk.



HAMDAN



IMRAN

"Anak saya juga jadi mangsa demam denggi. Mujur kami tak beraya di hospital tahun ni.

"Bau busuk makin kronik lebih-lebih lagi bila hujan, memang tak selesa. Bayangkan ini yang kami terpaksa hadap setiap hari," katanya.

Bagaimanapun, menurut Imran, dia tidak pasti waktu individu terbabit melakukan pembuangan sampah.

"Pernah kami tunggu dari pagi hingga petang tapi tak ada pula lori atau individu yang buang sampah di kawasan berkenaan," katanya.

Mahu PBT ambil tindakan tegas

Hamdan Mohidin, 41, pula memberitahu, selain sisa makanan, sampah pukal seperti perabot dibuang dan dibakar di lokasi berkenaan.

Menurutnya, longgokan sampah haram itu menarik anjing liar, sekali gus membahayakan keselamatan penduduk terutama kanak-kanak.

"Masalah anjing liar di perumahan ini bukan perkara baharu, bahkan bermula sejak ada tempat pembuangan sampah itu.

Hamdan berkata, dia bimbang jumlah haiwan ini



JULMIAH

semakin bertambah dan menjadikan kawasan berkenaan sebagai tempat tidur dan mencari makanan.

Justeru, dia mahu pihak berkuasa mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan masalah tersebut.

"Sebelum ni memang ada pihak berkuasa meninjau masalah ini tapi ibarat 'mencurah garam ke laut'. Mereka tetap kembali membuang sampah di lokasi yang sama berulang kali.

"Jadi kita minta pihak penguatkuasa supaya lebih tegas dan selalu membuat pemantauan di kawasan terbabit," katanya.



Anjing liar berkeliaran di kawasan sampah dan membimbangkan penduduk.



Kayu dan sampah sisa industri turut dibuang di kawasan 300 meter dari perumahan.

LAMPIRAN 19

SINAR HARIAN (CAKNA SINAR): MUKA SURAT 1

TARIKH: 12 DISEMBER 2018 (RABU)

Kita baru menyambut Hari Sungai Sedunia baru-baru ini. Harus saja tindakan proaktif diambil sebaik acara itu supaya ia tidak dilihat hanya ibarat melepaskan batuk di tangga. Bagaimanapun, ibarat kian tenat, tahukah anda tahap pencemaran sungai-sungai di Malaysia kebanyakannya berada pada kelas III hingga V.

Maka pemeliharaan kualiti air sungai amat penting, memandangkan air sungai masih digunakan sebagai bekalan air dan ekosistem bagi nelayan sungai. Ini penting dalam meningkatkan mutu air sungai kepada kelas II dan I.

Pencemaran sungai dikategorikan kepada empat kelas, 1 dan II belum tercemar, III dan V tercemar secara serius. Sungai-sungai tercemar teruk di negara ini harus segera diberikan perhatian.

Pensyarah Geografi dan Alam Sekitar Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsi), Prof Madya Dr Hairy Ibrahim memberikan contoh, bagaimanapun ada cabaran perlu dihadapi dalam usaha ini.

"Misalnya dalam merawat dan pulihkan Sg Tebrau di Johor yang punya beberapa lembangan atau anak sungai antaranya Sg Panton dan Sg Pandan, perlukan penglibatan semua agensi.

Kualiti sungai semakin tercemar dan kuantiti air bersih makin merosot bermakna kos rawatan air akan menjadi lebih tinggi.



Sungai kita tenat

TERCEMAR TERUK, HARUS SEGERA DIBERIKAN PERHATIAN



Dr Ibrahim memotong riben simbolik perasmian 'Sayangi Sungai Bernam'.

"Sungai mempunyai kepanjangan 33 kilometer mengalir dari Johor Bahru hingga Kulai itu tercemar akibat pembuangan sampah-sarap dan buangan. Justeru, Sg Tebrau ini perlu ambil masa bertahun dan lalu pelbagai peringkat dalam proses memulihkannya," katanya.

Beliau berkata demikian semasa program sayangi sungai dan pelancaran Rakan Sungai Bernam anjuran bersama Jabatan Geologi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan Upsi dengan kerjasama Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM), Jabatan Saliran Air (JRS) Daerah Muallim

dan komuniti Tanjong Malim, dirasmikan Dekan Fakulti Sains Kemanusiaan Upsi, Dr Ibrahim Hashim, baru-baru ini.

Makin merosot

Dalam pada itu menurutnya, Sg Langat, antara menjadi sumber air mentah 149.3 km, tetapi bahagian air bersih hanya tinggal 49.3 km sahaja, manakala selebihnya 100 km sudah tercemar.

"Kualiti sungai makin tercemar dan kuantiti air bersih makin merosot bermakna kos rawatan air akan menjadi lebih tinggi. "Ini cetus persoalan sama ada kerajaan akan terus mampu beri subsidi," katanya.

Mengulas pemilihan Sg Bernam untuk dijalankan program, Hairy berkata, ia dipilih kerana terletak berdekatan Upsi malah, masih bersih dan digunakan sebagai kawasan nelayan.

Namun demikian, ada penemuan oleh nelayan dan NGO terdapatnya ikan mati di Sg Bernam dikaitkan dengan kemerosotan kualiti air.

"Dengan adanya program ini, ia diharap mampu membina kesedaran warga Upsi dan komuniti Tanjong Malim tentang pemeliharaan dan pemuliharaan sungai. "Selain itu, perhatian juga perlu dibuat terhadap aktiviti pembangunan di hulu Sungai Bernam yang boleh pengaruhi kualiti airnya dan memberi kesan pada ekosistem Sg Bernam termasuk ikan sungai dan hakisannya," katanya.

Menurutnya, tahap kesedaran masyarakat masih sederhana terhadap penjagaan sungai maka kempen dan usaha pihaknya ini antara membantu meningkatkan kesedaran menjaga kebersihan sungai.

"Harapan kami masyarakat Malaysia harga sungai ada di negara ini. Bukan hanya sungai jadi sumber air minum, tapi pemeliharaan semua sungai penting bagi ekosistem itu sendiri.

"Masyarakat harus sedar jika kotorkan sungai, itu akan sebabkan kehidupan dan ekosistem di dalamnya tercemar dan terjejas. Ini secara langsung mencemarkan rantaian makanan akhirnya sebabkan pelbagai penyakit," katanya.

Tegasnya, tanggungjawab bersama menjaga kualiti air sungai.

>>> MS 2



Ketika program di Sg Bernam.

LAMPIRAN 19 (SAMB.) SINAR HARIAN (CAKNA SINAR): MUKA SURAT 2 TARIKH: 12 DISEMBER 2018 (RABU)

REAKSI



“Bagi saya terlalu kurang kempen kesedaran penjagaan sungai di negara ini. Kerajaan perlu bertegas dengan isu ini, selain pendidikan di sekolah supaya masyarakat kita punya pemikiran kelas pertama.”
- Pelajar, Muhammad Danish Johair, 15



“Semuanya bermula dengan sikap. Selagi tidak berubah, mereka takkan cakna. Sedih kalau tengok sungai di negara luar seperti Korea dan Jepun, cantik dan jernih, tapi di Malaysia seperti air teh tarik.” - Pekerja kerajaan, Noor Atzan Zakaria, 39



“Bukan setakat sungai, laut kita pun kotor. Harap pihak terbabit segera fikir mekanisme supaya dapat ubah masyarakat kita lebih prihatin. Kasihan pada generasi akan datang.” - Norhani Mohd Ali, 24

Tegas didik ubah sikap



Pihak SAM ketika membuat tinjauan masalah pencemaran sungai di Kuala Tunjang, Kedah.

Secara amnya tahap pencemaran sungai di negara ini dilihat semakin meningkat. Itu ditegaskan Sahabat Alam Malaysia (SAM) antara NGO aktif di negara ini mengentengahkan isu-isu alam sekitar.

Pegawai Luar SAM, Zulkifli Yusof berkata, antara sebab pencemaran ini, terutama sekali berpunca daripada penerokaan tanah oleh aktiviti penerokaan hutan seperti pembalakan, pembangunan di tanah tinggi, pertanian, perumahan, premis perniagaan selain kilang industri.

“Setakat ini tahap kesedaran masyarakat terhadap penjagaan sungai amat rendah dan tidak memuaskan. Justeru, adalah perlu pihak kerajaan menganjurkan lebih banyak program pendidikan berkaitan perkara ini di samping menguatkuasakan undang-undang sedia ada dengan lebih tegas dan berkesan.”

“Harapan SAM agar Jabatan Alam Sekitar (JAS) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) melakukan pemantauan secara berterusan bagi memastikan tidak ada mana-mana pihak yang sewenang-wenang membuang bahan kotor atau sisa berbahaya ke dalam sungai,” katanya kepada Cakna Sinar.

Zulkifli berkata demikian ketika memberi komen berhubung tahap pencemaran sungai di negara ini sempena Hari Sungai Sedunia baru-baru ini.

Dalam masa sama, menurutnya, sungai-sungai di negara ini semakin kotor dan cetek

akibat mendapan sisa buangan termasuk bahan plastik berbahaya.

“Kini keadaan sungai di Malaysia semakin dicemari lumpur akibat kegiatan pembalakan, perlombongan dan pelaksanaan projek pembangunan sehingga mengancam sumber perikanan dan sumber protein penduduk luar bandar.”

“Semua sungai utama di setiap negeri di negara ini perlu diberi perhatian serius terhadap kebersihan yang teruk tercemar seperti Sungai Klang di Selangor, Sungai Prai dan lain-lain wajar dipulihkan demi alam sekitar dan keindahan negara serta kesejahteraan hidup rakyat,” tegasnya.

Menurutnya, daripada statistik diterima pihaknya, pada 2009 sebanyak 54 batang sungai di negara ini mengalami pencemaran tetapi telah meningkat kepada 229 batang sungai pada 2016.

Pada setiap bulan SAM membuat tinjauan mengenai pencemaran sungai di negara ini dan menggesa pihak berkenaan menjalankan siasatan serta mengambil tindakan jika SAM mendapati ada sungai yang tercemar.

“Sebagai contoh sungai di Sungai Petani dan Sungai Kuah di Langkawi Kedah yang tercemar telah diberi perhatian dan diambil tindakan oleh pihak berkenaan setelah menerima aduan daripada SAM,” katanya.

Kini keadaan sungai di Malaysia semakin dicemari lumpur akibat kegiatan pembalakan, perlombongan dan pelaksanaan projek pembangunan sehingga mengancam sumber perikanan. - Zulkifli



Sungai paling bersih di dunia:

- Sg Lijiang adalah sebuah sungai yang terletak di Guangxi Zhuang, China. Sungai ini mengalir sepanjang 83 kilometer dari Guilin ke Yangshuo.
- Hulu Sungai Li dihubungkan dengan Sungai Xiang oleh Kanal Lingqu. Sungai ini juga dikenali dengan pemandangan alamnya yang sangat menakjubkan. Kapal-kapal pesiar melintasi Sungai Li sepanjang tahun, dan hal itu menjadikannya salah satu atraksi utama dari Guilin.
- Sungai St Croix, Wisconsin dan Minnesota; St Croix pula adalah anak sungai dari Sungai Mississippi, dengan panjang mencapai sekitar 272 km. Sungai ini mengalir dari Wisconsin hingga ke Minnesota. Sungai ini berada di bawah perlindungan National Park Service.
- Sg Tara di Eropah pula adalah sungai yang mengalir di Montenegro serta Bosnia dan Herzegovina. Panjang sungai ini mencapai 144 km, dengan 104 km berada di Montenegro dan 40 km berada di Bosnia dan Herzegovina. Sungai Tara pun membentuk sempadan antara kedua negara tersebut di beberapa tempat.
- Tara River Gorge yang terletak di Sungai Tara, menjadi sungai terpanjang di Montenegro dan Eropah dan terpanjang kedua di dunia setelah Grand Canyon, dengan panjang mencapai 78 kilometer dan kedalaman 1,300 meter.

LAMPIRAN 19 (SAMB.) SINAR HARIAN (CAKNA SINAR): MUKA SURAT 3 TARIKH: 12 DISEMBER 2018 (RABU)

DBhd, PBT Pengerang beri tumpuan alam sekitar



Kakitangan DBhd dan PBT Pengerang.

DAMANSARA Realty Berhad Kumpulan anak syarikat (DBhd) dan pihak berkuasa tempatan Pengerang (PBT Pengerang) mengumpul inisiatif CSR berkolaborasi membersihkan sampah dan pencemaran di Batu Layan pantai, di Pengerang.

Projek ini sebahagian komitmen CSR Kumpulan DBhd, memberi tumpuan kepentingan perlindungan alam sekitar dan kemampunan.

Terkenal dengan batu-batu dan pasir putih, Pantai Batu Layan menarik perkembangan pelancongan, walau bagaimanapun sampah di sepanjang pantai memberi kesan pemandangan dan membahayakan kebajikan haiwan marin.

Pengarah Urusan Kumpulan DBhd Ts. Brian Iskandar berkata, selain mempromosikan kesedaran pemuliharaan alam sekitar, pihaknya berharap menggalakan pemilikan lebih besar rakyat dan masyarakat untuk persekitaran selamat,

bersih dan sihat.

"Pengurusan sisa dan sampah adalah masalah perlu ditangani dengan cara mampan."

"Mewujudkan kesedaran awam ke arah selamat, bersih dan sihat bersama-sama amalan pengurusan sisa yang berkesan akan memerlukan penyertaan semua pihak dari pihak berkuasa tempatan hingga korporat, termasuk pelancong," katanya ketika program di Batu Layan pantai, di pantai Pengerang.

Turut hadir di projek CSR ini Pengarah Urusan TMR Urusharta - anak syarikat DBhd, Shamsul Mohd Salleh.

Sementara itu, Shamsul berkata, usaha ini sebahagian tanggungjawab pihaknya untuk memberi kembali kepada masyarakat kerana telah beroperasi di RAPID Pengerang sejak tahun 2017.

Untuk memperingati inisiatif ini, DBhd Group dan PBT Pengerang juga membina



PBT Pengerang dan sukarelawan ketika mendengar taklimat berkaitan.

lelongan kayu yang tidak hanya akan menjadi tarikan pelancong di pantai tetapi juga sebagai ikon untuk mempromosikan pelancongan yang mampan dan bertanggungjawab.

Anak syarikat DBhd lain; HC Duraclean dan Metro Parking Malaysia juga menunjukkan sokongan mereka dengan menaja alat dan keperluan ke arah

penyediaan inisiatif ini.

DBhd mengukuhkan usaha CSR tahun ini, menasaskan untuk melancarkan inisiatif baru setiap enam bulan atau sekurang-kurangnya satu projek CSR setiap tahun.

* Ts. merupakan gelaran 'Teknologi Profesional yang Diperakui' yang dianugerahkan oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT).

Mah Sing lancar minggu CSR

KAKITANGAN, PENGURUSAN TERTINGGI GEMBIRA BERKHIDMAT KEPADA KOMUNITI



Pengarah Urusan Kumpulan Mah Sing, Tan Sri Datuk Leong Hoy Kum (dua, kanan) bersama pasukannya membersihkan kawasan yang akan ditanam padi oleh M'Power.



Pasukan M'Power menanam 600 anak pokok dan membersihkan sampah dari kawasan hutan.



M'Power bekerjasama dengan Malaysia Nature Society membersihkan lebih 380kg sampah dan sungai Sungai Buloh.

Mah Sing Group Berhad (Mah Sing) melancarkan Minggu Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) edisi pertama melibatkan 900 pekerja termasuk dari M'Power, platform sukarelawan Mah Sing di beberapa lokasi di Malaysia bermula 24 November dan berakhir 1 Disember lalu.

Antara lokasi terlibat dalam minggu pertama CSR adalah Kebun-Kebun Bangsar, Zoo Negara, Taman Alam Kuala Selangor dan Sungai Kuala Sungai Buloh di Lembah

Klang, Taman Negara Pulau Pinang di Pulau Pinang, Laman Extreme Park di Johor dan Kampung Tudan di Sabah.

Pengarah Urusan Kumpulan Mah Sing, Tan Sri Leong Hoy Kum berkata, pihaknya termasuk pengurusan tertinggi gembira berkhidmat kepada komuniti.

"Minggu ini, pekerja kami dari seluruh Malaysia bekerja mencipta perubahan kepada komuniti dan persekitaran di tempat kerja."

"Kami harap dapat melihat aktiviti ini

berterusan dan mendapat penyertaan lebih ramai pekerja kami, bukan sahaja untuk minggu CSR tetapi terhadap pelbagai program dijalankan Yayasan Mah Sing," katanya yang turut serta dalam aktiviti tersebut.

Menurutnya, keadaan persekitaran penting dan ia antara sebab fokus utama minggu pertama aktiviti tersebut diberikan kepada alam sekitar.

Dalam salah satu aktiviti dijalankan, pihaknya berjaya mengumpul dan

membersihkan lebih 380 kilogram sampah dari sungai dalam sesi pembersihan sungai dan pengecatan semula jeti Nelayan Kebun Terang, Sungai Buloh.

Di selatan pula, pekerja-pekerja Mah Sing menanam lebih 118 anak pokok di Extreme Park terletak di Pasir Gudang.

Mah Sing Foundation, badan kebajikan Mah Sing aktif membantu masyarakat sejak 2005 dan kini menyokong lebih 40 sekolah, NGO dan komuniti di seluruh Malaysia melalui pelbagai program.

LAMPIRAN 19 (SAMB.)
SINAR HARIAN (CAKNA SINAR): MUKA SURAT 4
TARIKH: 12 DISEMBER 2018 (RABU)



RAJA Muda Selangor, Tengku Amir Shah berkenan menyampaikan sumbangan Program 'Back To School' kepada 500 kanak-kanak dari 12 rumah anak yatim sekitar Selangor. Program anjuran Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) ini memperuntukkan sejumlah RM60,000 termasuk pengagihan 500 pakaian sekolah, kasut, stoking dan beg sekolah serta RM100 diberikan kepada setiap anak yatim.



PROGRAM "Sehari Bersama Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa)" di Teluk Batik, Perak. Program dianjurkan oleh pelajar Ocean & Coastal Engineering, UTP dengan kerjasama Kuasa dan Majlis Perbandaran Manjung (MPM) bagi mengatasi masalah hakisan pantai sudah semakin meruncing di Teluk Batik.



FORUM Hari Sukarelawan Antarabangsa 2018, 'Sukarelawan Nadi Pembangunan Masyarakat' anjuran Global Peace Mission (GPM) yang menampilkan CEO GPM Malaysia, Ahmad Fahmi Mohd Samsudin, dan wakil NGO dan sukarelawan tempatan.



MERAIKAN anak-anak istimewa sempena Hari OKU Sedunia di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Nilai, Negeri Sembilan, sumbangan McDonald Nilai. Turut hadir wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat setempat. - Kiriman, S M Fuad

GOTONG-ROYONG membersihkan sebuah pusat jagaan orang tua di Bukit Bakri, Muar, Johor oleh gabungan beberapa pihak termasuk wakil dari Kelab Kebajikan & Sukarelawan Sosial (KELSS). Aktiviti turut disertai Adun Bukit Nanning, Md Yashruddin Kusni serta beberapa pelajar SMK Bukit Nanning.



PROGRAM Kem Pintar Solat di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) disertai seramai 138 anak-anak asnaf berumur 7 hingga 12 tahun di bawah seliaan Wazan dan anak-anak kakitangan sokongan UPM dengan kemampuan tenaga 21 fasilitator kalangan Sahabat Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) UPM.

LAMPIRAN 20

BERITA HARIAN (WANITA): MUKA SURAT 51

TARIKH: 12 DISEMBER 2018 (RABU)

Nasi Himpit Salsabila guna kain sebagai pembalut

➔ Bekas pensyarah niaga sambil beri kesedaran bahaya plastik

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin
hanneeyzah@nstp.com.my

Kuala Terengganu

Bukan mengejar keuntungan, sebaliknya mahu menyuntik kesedaran masyarakat mengenai bahaya plastik kepada kesihatan dan alam sekitar membuatkan bekas pensyarah institusi pendidikan mengusahakan perniagaan nasi himpit tanpa menggunakan pembalut bahan itu demi manfaat pelanggannya.

Bekas pensyarah jurusan Sains Alam Sekitar, Institut Pendidikan Guru Kampus Datuk Razali Ismail, Batu Rakit, Kuala Nerus, Rosnah Alias, 62, ksal kerana ramai peniaga mengabaikan aspek kesihatan dalam penghasilan makanan.

Jihadnya ke arah itu bermula apabila beliau sering menemui pelbagai spesies ikan yang didapati berpenyakit umpamanya tumbuh benjolan disebabkan termakan straw, selipar dan plastik.

"Saya pencinta alam sekitar dan sering mengikuti program pembersihan pantai dan ke pulau, justeru sering menemui ikan yang berpenyakit akibat termakan benda plastik seperti straw, selipar dan plastik.

"Sedih setiap kali menemui ikan yang sakit akibat perbuatan manusia membuang barangan seperti itu ke pantai menyebabkan saya tidak akan melepaskan peluang mengikuti program bagi memberi kesedaran mengenai kepentingan menjaga alam sekitar," katanya ketika ditemui BH.

Rosnah berkata, sebagaimana beliau sedih melihat kesengsaraan dialami haiwan di laut akibat pencemaran plastik, hatinya lebih sedih apabila memikirkan masih ra-

mai tidak sedar bahawa penggunaan plastik dalam proses penyediaan makanan membahayakan kesihatan manusia.

Melihat orang makan di dalam pinggan plastik murah, memasak air panas menggunakan cerek plastik tahan panas dan makan nasi himpit dibungkus plastik.

"Nasi himpit ini direbus berjam-jam membuatkan hati saya robek mengenangkan kesan plastik kepada kesihatan manusia," katanya.

Selepas bersara, beliau terdetik mahu mengusahakan perniagaan nasi himpit tanpa plastik sejak tiga tahun lalu.

Plastik membahayakan kesihatan

Kebanyakan nasi himpit dijual dibungkus dengan plastik dan pastinya boleh memberi kesan jangka panjang terhadap kesihatan dan dipercayai antara punca penyakit kanser.

Kesungguhan Rosnah mengenai keinginannya menjual produk yang bebas daripada penggunaan plastik ternyata amat ikhlas apabila beliau begitu sebak dan menitikkan air mata mengenangkan tahap kesedaran masyarakat yang masih rendah di mengenai perkara, itu ketika ditemubual.

Rosnah berkata, walaupun sedar apa yang mahu diusahakannya agak lewat berikutan usianya sudah mencecah 59 tahun, namun tidak melemahkan semangat dan cita-citanya meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai bahaya plastik dalam penyediaan makanan.

"Selepas bersara saya banyak menghabiskan masa di rumah. Ketika itu saya sering terfikir dan bertekad mahu memulakan perniagaan terabait.

"Ramai bertanya kenapa saya tidak bermula lebih awal. Namun,

saya abaikan kerana tidak mahu ia melemahkan semangat. Biar apa orang hendak kata asalkan gembira dengan apa saya lakukan.

"Sejak itu, saya mulakan perniagaan kecil-kecilan dan mula menjual nasi himpit tanpa plastik yang saya beri nama Nasi Himpit Salsabila. Nama itu didapati dalam al-Quran bermaksud mata air," katanya yang berasal dari Kota Bharu, Kelantan.

Rosnah berkata, nasi himpit dijualnya dibungkus dalam kain muslin diimport dari China, dengan setiap kotak mengandungi lima bungkus uncang beras yang dibungkus dalam kain itu seberat 46 gram setiap satu dan dijual pada harga RM8.50 sekotak.

Katanya, jika hendak cerita pasal untung, memang kecil sangat dan tidak berbaloi, tetapi keuntungan bukan matlamat utamanya kerana tujuan utama ialah untuk menyediakan alternatif nasi himpit yang lebih sihat dan selamat dimakan.

Walaupun sambutan terhadap produknya masih perlahan dengan kebanyakan pelanggan adalah dalam kalangan cancer survivor dan pencinta alam, Rosnah mahu terus meneruskan perjuangan itu.

"Pernah juga pada awalnya berputus asa, kemudian seorang sahabat merayu saya teruskan. Jika saya tidak lakukan tidak akan ada sesiapa yang menggeratkan impian itu.

"Jadi saya niatkan usaha saya ini bukan sebagai perniagaan semata-mata, tetapi sebagai jihad dan khalifah Allah SWT.

"Walaupun mungkin ada orang akan mentertawakan saya kerana melihat apa yang saya lakukan ini tidak seberapa, tidak mengapa. Yang penting saya dapat meningkatkan kesedaran orang ramai," katanya yang menjual nasi himpit itu



Rosnah menunjukkan produk nasi himpit yang menggunakan kain sebagai pembalut Karnival Wise 2018-Wanita Inspirasi Ekonomi di Terengganu Trade Centre.



Sejak itu, saya mulakan perniagaan kecil-kecilan dan mula menjual nasi himpit tanpa plastik yang saya beri nama Nasi Himpit Salsabila. Nama itu didapati dalam al-Quran bermaksud mata air. Nasi himpit ini dibungkus dalam kain muslin diimport dari China, dengan setiap kotak mengandungi lima bungkus uncang beras yang dibungkus dalam kain itu seberat 46 gram setiap satu dan dijual pada harga RM8.50 sekotak

Rosnah Alias,
Bekas pensyarah jurusan
Sains Alam Sekitar

di laman Instagram nasihimpit.salsabila.

Rosnah berkata, Persatuan Doktor Amerika Syarikat pernah mengeluarkan senarai punca kanser dan mengingatkan orang ramai supaya tidak minum minuman panas dalam cawan plastik, jangan makan makanan panas dalam beg plastik seperti sup panas dan jangan panaskan makanan di dalam ketuhar gelombang mikro menggunakan peralatan plastik.

Ini kerana katanya, apabila plastik dikenakan haba, ia akan mengeluarkan bahan kimia yang boleh menjadi punca 52 jenis kanser.

Campuran bahan kimia bertoksik

"Plastik dihasilkan daripada campuran pelbagai bahan kimia yang kebanyakannya toksik yang memberi kesan buruk kepada kesihatan, tetapi manusia pula menggunakannya dalam kehidupan harian kita terutama dalam penyediaan makanan.

"Segelintir bahan kimia bertoksik dalam plastik bukan sahaja boleh menjadi punca kanser, tetapi juga boleh menyebabkan kecacatan bayi dan merencatkan perkembangan kanak-kanak selain menyebabkan masalah sistem imun badan.

"Plastik bukan tidak boleh digunakan langsung, tetapi ia tidak sesuai dalam penyediaan makanan ketika panas termasuk menggunakan pinggan plastik untuk makan nasi atau memasak nasi himpit yang dibungkus dalam plastik.

"Justeru, saya mahu orang ramai berubah dan elakkan minum atau makan minuman dan makanan yang disediakan dalam plastik demi kesihatan. Jika bukan kita siapa lagi yang nak jaga kesihatan sendiri," katanya.

LAMPIRAN 21
THE STAR (WORLD): MUKA SURAT 30
TARIKH: 12 DISEMBER 2018 (RABU)

Voyager 2 reaches interstellar space

It's the second human-made object to travel so far, announces Nasa

WASHINGTON: Nasa's Voyager 2 probe has left the protective bubble around the Sun and is flying through interstellar space, becoming the second human-made object to travel so far, the US space agency said.

The announcement came six years after its twin spacecraft, Voyager 1, broke the outer boundary of the heliopause, where the hot solar wind meets the cold, dense space between stars, known as the interstellar medium.

Voyager 2 is now more than 18 billion kilometres from Earth, having passed the boundary on Nov 5.

"This time is even better for us," said Nicky Fox, director of the heliophysics division at Nasa, noting that one instrument, called the Plasma Science Experiment (PLS), is still functioning on Voyager 2.

"To have the Voyagers sending back information about the edge of the Sun's influence gives us an unprecedented glimpse of truly uncharted territory."

The same instrument on Voyager 1 stopped working in 1980.

The two spacecraft, which look

Both spacecraft are very healthy, if you consider them senior citizens.

Suzanne Dodd

like a combination of a satellite dish and an old television set with rabbit ear antennas, were launched in 1977 on a mission to explore planets in our solar system.

The twin probes have left the heliosphere, but have not yet left the solar system, "and won't be leaving anytime soon," Nasa said in a statement.

"The boundary of the solar system is considered to be beyond the outer edge of the Oort Cloud, a collection of small objects that are still under the influence of the Sun's gravity."

Nasa says it will take about 300 years for Voyager 2 to reach the inner edge of the Oort Cloud, and

possibly 30,000 years to fly beyond it.

"We're looking forward to what we'll be able to learn from having both probes outside the heliopause," said Suzanne Dodd, Voyager project manager at Nasa's Jet Propulsion Laboratory in Pasadena, California.


Voyager 2 is officially Nasa's longest-running mission. The two spacecraft were designed to last five years and study Jupiter and Saturn.

"Both spacecraft are very healthy, if you consider them senior citizens," said Suzanne Dodd, director for the Interplanetary Network Directorate, as the science results were unveiled at the American Geophysical Union annual meeting in the US capital.

A key concern is power, and Nasa has to keep shutting down instruments to reserve power. But they may have five to 10 years left of life, she said.

Each spacecraft carries a Golden Record of Earth sounds, pictures and messages, which aims to serve as evidence of Earth's civilisation. — AFP

After 41 years Voyager 2 probe joins twin in interstellar space
 Launched with Voyager 1 by Nasa in 1977 to explore the solar system



LAMPIRAN 22
BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 56
TARIKH: 12 DISEMBER 2018 (RABU)



**Salji tebal jejas
aliran trafik
Korea Selatan**

Kenderaan dan orang ramai meredah salji tebal di jalan utama di Chuncheon, kira-kira 85 kilometer dari Seoul, Korea Selatan, semalam ketika wilayah berkenaan dilanda salji sejak beberapa hari lalu.

3 maut ribut salji landa AS

➡ Ribuan
kediaman
terjejas tanpa
bekalan elektrik

► Atlanta

Sekurang-kurangnya tiga maut, manakala ribuan kediaman di Carolina dan Virginia terputus bekalan elektrik, selepas dilanda ribut kelmarin yang membawa salji setebal 0.6 meter ke bahagian tenggara Amerika Syarikat.

Pejabat Gabenor Carolina Utara, Roy Cooper dalam satu kenyataan berkata, seorang mangsa maut akibat masalah jantung ketika dalam perjalanan ke pusat perlindungan, sementara seorang wanita yang tenat meninggal dunia selepas peralatan oksigen tidak berfungsi.

"Seorang pemandu meninggal dunia selepas pokok menghempap kenderaannya di barat daya Carolina Utara," kata polis.

Laman web *Poweroutage.us* pula melaporkan lebih 76,000 penduduk masih terputus bekalan elektrik semalam berbanding 220,000 kelmarin.



Kediaman di Carolina diliputi salji dan terputus bekalan elektrik.

Pada masa sama, amaran keadaan cuaca dikeluarkan pihak berkuasa.

Ais hitam

"Apa yang membahayakan adalah ais hitam, iaitu ais yang sukar dilihat di atas jalan raya, akibat pembekuan semula salji yang mencair.

"Ia akan menjadi satu ancaman dalam tempoh beberapa hari lagi, mungkin sehingga pagi Khamis, sebelum kita boleh menyaksikan keadaan suhu di atas

**Fakta
nombor**

60 SENTIMETER

ketebalan salji
di bahagian tenggara AS

paras beku dicatatkan di kawasan itu," kata pegawai Pusat Ramalan Cuaca, Perkhidmatan Cuaca Kebangsaan di College Park, Maryland, David Roth.

Kedua-dua jalan berair turut memaksa beberapa sekolah di utara Georgia, Carolina Utara dan Virginia ditutup atau kelas ditangguhkan.

Malah, beberapa pejabat kerajaan turut menangguhkan operasi, kelmarin, terutama bagi perkhidmatan kurang penting.

Reuters